

Ulasan Pementasan: 'Muzikal Tun Mahathir' Musim Pertama

Performance Review: 'Muzikal Tun Mahathir' First Season

Nur Afifah Vanitha Abdullah

Universiti Malaysia Sarawak

anafifah@faca.unimas.my

Abstrak

Pementasan 'Muzikal Tun Mahathir' musim pertama (MTMmp), dipentaskan buat kali pertama di Istana Budaya dari 24 September sehingga 9 Oktober 2010. Muzikal ini adalah karya Ismail Kassan dan diarah oleh Rosminah Tahir. Namun jika MTMmp dinilai secara kritikal daripada perspektif sebuah persembahan teater, ternyata produksi ini gagal mencapai objektif pementasannya seperti yang diharapkan oleh Ketua Pengarah Istana

Budaya, penaung produksi mahupun Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia. Artikel ini akan mengulas MTMmp dengan mengaplikasi genre drama sebagai alat untuk meneliti punca kegagalan produksi ini dalam mengangkat dan memaparkan Tun Dr. Mahathir sebagai seorang negarawan.

Kata kunci: *analisa pementasan, teater, genre drama*

Abstract

The first season of 'Muzikal Tun Mahathir' (MTMmp) was premiered at Istana Budaya from the 24th of September to the 9th of October 2010. This musical was written by Ismail Kassan and was directed by Rosminah Tahir. In the perspective of a theatre performance this production failed to achieve its performance objective as expected by the Director General of Istana Budaya, its production patron as well as the Minister of Information, Communication and Culture of Malaysia. This article will review MTMmp by applying drama genre as an analysis tool to identify factors that had contributed to the failure of this musical in highlighting and portraying Tun Dr. Mahathir as a statesman.

Keywords: *staging analysis, theatre, drama genre*

Pengenalan

Pementasan 'Muzikal Tun Mahathir' musim pertama (MTMmp), karya Ismail Kassan dan arahan Rosminah Tahir, berjaya menghiburkan penonton di Istana Budaya dari 24 September sehingga 9 Oktober 2010. Bukti kejayaan MTMmp sebagai sebuah teater komersial adalah apabila persembahannya dilanjutkan seminggu lagi dari tarikh pementasan

akhir yang dijadualkan pada 4 Oktober 2010. Malah atas permintaan ramai juga, MTMmp dipentaskan kembali di Istana Budaya dari 21 Januari sehingga 30 Januari 2011, dengan beberapa perubahan pada pementasannya. Faktor yang melandasi permintaan terhadap MTMmp adalah format teater komersial produksi ini; contohnya barisan pelakon filem dan televisyen tempatan antaranya Erra Fazira, Esma Daniel dan Zizan Nin, selain pilihan artistik pengarahnya seperti konsep, set, prop, kostum, pencahayaan, pergerakan pelakon di atas pentas serta koreografi.



Foto 1 Poster Muzikal Tun Mahathir musim pertama
Sumber: *Facebook* Muzikal Tun Mahathir

Ulasan

Jika MTMmp dinilai secara kritikal daripada perspektif sebuah persembahan teater, ternyata teater ini gagal mencapai objektif pementasannya seperti yang diharapkan oleh Ketua Pengarah Istana Budaya, penaung produksi mahupun Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia, iaitu;

"...tanda pengiktirafan yang tinggi menghargai segala pengorbanan dan kecekalan beliau dalam menaikkan nama Malaysia menjadi negara yang disegani dan dihormati di mata dunia" (Mohamed Juhari 2010: 6).

"...teater patriotik tentang kehebatan seorang negarawan ulung, iaitu mantan Perdana Menteri Malaysia ke-4..." (Noorainee 2010: 3).

"...menobatkan kehebatan seorang tokoh negarawan" (Rais 2010: 4).

Punca kegagalan MTMmp dalam mencapai harapan dan objektif pihak kementerian serta penganjurnya terletak pada skrip teater ini. Lazimnya dalam teater moden, skrip adalah nadi utama bagi mana-mana pementasan. Sebuah skrip yang baik dan sempurna akan mengadunkan genre, persoalan, watak dan perwatakan, dan plot supaya mesejnya dapat digarap oleh khalayak. Skrip ini hanya akan sempurna kewujudannya apabila dipentaskan. Pada peringkat ini, sebuah teks akan berubah bentuk daripada tulisan kepada audio-visual dan pengarah bertanggungjawab terhadap transformasi ini. Bersandarkan ilmu, bakat dan kreativiti, pengarah akan mengolah skrip dan mempersembahkan karya agar para penonton

terkesan secara emosi serta intelektual. Namun dalam konteks MTMmp, teater ini kurang berjaya menjentik emosi serta intelektual penontonnya. Ketokohan, sumbangan dan pengorbanan Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri yang memacu Malaysia ke arah negara membangun kurang terserlah. Hal ini menyebabkan watak Tun Dr. Mahathir sebagai negarawan ulung dalam teater ini kurang dirasai.

Masalah utama skrip MTMmp adalah pada genrenya. Ia tidak layak dikategorikan sebagai genre komedi mahupun melodrama kerana protagonisnya, Tun Dr. Mahathir, ingin ditampilkan sebagai seorang tokoh negarawan yang ulung yang banyak mengharungi pengorbanan dan rintangan untuk mencapai matlamatnya. Disebabkan ciri ini maka skrip MTMmp sesuai bergenre tragedi. Ciri protagonis dalam sebuah skrip bergenre tragedi lazimnya adalah seorang yang terkenal dalam kalangan masyarakatnya dengan pencapaian yang unggul (Banham 1990: 1002). Protagonis dalam skrip drama bergenre tragedi harus ditonjolkan dengan satu kelemahan dalam bentuk keinginan, impian, cita-cita, matlamat, tabiat atau sikap berlebihan yang mempengaruhi segala tindakannya (aksi) bagi mencapai matlamat utama watak tersebut. Kelemahan ini harus menjadi hambatan kepada protagonis dalam mencapai matlamatnya, dari awal sehingga akhir plot. Hambatan-hambatan ini akan wujud sebagai krisis-krisis kecil yang seterusnya melahirkan satu krisis besar pada tahap klimaks plot, dan akhirnya menyebabkan perubahan nasib pada watak protagonis (Ommanney 1960: 91). Krisis-krisis kecil dan besar yang dihadapi oleh protagonis ini amat penting dalam menonjolkan keunggulan watak utamanya.

Keinginan, impian, cita-cita, matlamat, tabiat atau sikap ini boleh sahaja dalam bentuk positif ataupun negatif untuk genre tragedi. Apa yang penting adalah, ia harus bersifat keterlaluhan sehingga mengancam pencapaian matlamat utama protagonis. Pada peringkat klimaks, apabila protagonis berhadapan dengan krisis utama, watak ini akan menghadapi kekalahan dan seterusnya mengalami perubahan nasib pada penghujung plot (peringkat peleraian plot).

Lazimnya dalam genre tragedi, protagonis akan mengalami kesedihan yang kekal disebabkan kelemahannya itu (Banham 1990: 1002).

Dari sudut khalayak pula sepanjang pementasan teater bergenre tragedi, khalayak harus sentiasa rasa bimbang dan kasihan dengan krisis-krisis kecil yang dihadapi oleh protagonis. Rasa bimbang dan kasihan khalayak ini akan berkumpul sejak awal cerita hingga ke peringkat klimaks. Hanya apabila protagonis menghadapi kekalahan yang kekal dan menghadapi perubahan nasib, maka segala rasa bimbang dan kasihan yang dibendung oleh khalayak akan terlerai akhirnya. Perjalanan dan proses peleraian emosi ini dikenali sebagai katarsis emosi.

Penelitian terhadap MTMmp bersandarkan pengaplikasian genre mengesahkan bahawa genre skrip adalah punca kegagalan teater ini untuk memaparkan watak Tun Dr. Mahathir sebagai satu watak yang unggul. Kelemahan utama protagonis dalam MTMmp adalah kasih sayangnya kepada bangsa Melayu dan matlamatnya untuk mengangkat darjat bangsa ini daripada segala aspek termasuk sosial, politik dan ekonomi.

Unsur tragedi pada skrip MTMmp tidak jelas kerana sikap sayang Tun Dr. Mahathir terhadap bangsa Melayu kurang menonjol pada pementasan MTMmp. Secara spesifik, aksi watak ini dalam mencapai matlamat utama, iaitu menghadapi dan menangani pelbagai krisis dalam memartabatkan dan memajukan bangsa Melayu kurang berjaya ditampilkannya iaitu dalam 88.9% babak daripada keseluruhan pementasan teater ini. Walaupun MTMmp terdiri daripada 27 babak, hanya dua babak sahaja yang sebenarnya menonjolkan aksi protagonis berhadapan dengan krisis, iaitu Babak 8 (kegiatan menentang *Malayan Union*) dan Babak 26 (Dramatari Puncak). Manakala Babak 27 adalah babak peleraian cerita, ataupun ketika watak utama mengalami perubahan nasib yang kekal.

Plot Teater Muzikal Tun Mahathir story Plot For Muzikal Tun Mahathir	
BABAK 1 / CHAPTER 1	PENGENALAN (INTRODUCTION)
BABAK 2 / CHAPTER 2	RUMAH LAMA MAHATHIR DI JALAN SEBERANG PERAK, ALOR SETAR (MAHATHIR'S OLD HOUSE IN JALAN SEBERANG PERAK, ALOR SETAR)
BABAK 3 / CHAPTER 3	KISAH KELAHIRAN (THE BIRTH OF MAHATHIR MOHAMMAD)
BABAK 4 / CHAPTER 4	RUMAH JALAN KILANG AIS- ZAMAN KANAK KANAK (HOUSE IN JALAN KILANG AIS - MAHATHIR'S CHILDHOOD)
BABAK 5 / CHAPTER 5	ZAMAN PENJAJAHAN JEPUN (JAPANESE INVASION)
BABAK 6 / CHAPTER 6	MASIH ZAMAN PERANG (JAPANESE INVASION - CONTINUE)
BABAK 7 / CHAPTER 7	JEPUN MENTERBAH KALAH DAN BRITISH MENGAMBIL ALIH MALAYA (SURRENDER OF JAPAN & BRITISH TOOK OVER MALAYA)
BABAK 8 / CHAPTER 8	TUGAS ANTI MENDIFANG MALAYAN UNION (ANTI MALAYAN UNION ACTIVITIES)
BABAK 9 / CHAPTER 9	AKTIVITI BERKAWAD PERSEKUTUAN PEMUDA MELAYU KEDAH (MARCHING PRACTICE BY PERSEKUTUAN PEMUDA MELAYU KEDAH)
BABAK 10 / CHAPTER 10	MENAMPAL POSTER ANTI MALAYAN UNION DI PEJABAT POS BESAR ALOR SETAR (PUTTING UP ANTI MALAYAN UNION POSTERS AT THE MAIN POST OFFICE OF ALOR SETAR)
BABAK 11 / CHAPTER 11	ARAHAN BELAJAR KE SINGAPURA (DIRECTION TO FURTHER STUDIES IN SINGAPORE)
BABAK 12 / CHAPTER 12	BELAJAR DI KOTA SINGAPURA (STUDENT DAYS IN SINGAPORE)
BABAK 13 / CHAPTER 13	BERTUGAS DI KEDAH DAN MENDIRIKAN BUMAH TANGGA (WORK IN KEDAH & STARTED A FAMILY)
BABAK 14 / CHAPTER 14	MELITAKKAN JAWATAN DARI PERKHIDMATAN KERAJAAN/MEBUKA MAHA KLINIK (TENDER RESIGNATION AS A GOVERNMENT DOCTOR/ STARTED MAHA CLINIC)
BABAK 15 / CHAPTER 15	PENGLIBATAN DALAM BINGO (INVOLVEMENT IN BINGO)
BABAK 16 / CHAPTER 16	SERBUK SURAT DARI PONDOK MAHARIZAN KEPADA PERDANA MENTERI (A LETTER FROM PONDOK MAHARIZAN TO THE PRIME MINISTER)
BABAK 17 / CHAPTER 17	KEJADIAN 13 MEI (13TH MAY TRAGEDY)
BABAK 18 / CHAPTER 18	MENYUSUN MAJLISAN TUGASANYA (MEETING)
BABAK 19 / CHAPTER 19	DI PONDOK MAHARIZAN - MENULIS BUKU "THE MALAY DILEMMA" (AT PONDOK MAHARIZAN - WRITING "THE MALAY DILEMMA")
BABAK 20 / CHAPTER 20	HOBI BERTUKANG MEMBUAT RIVER BOAT (MAKING RIVER BOAT HOBBY)
BABAK 21 / CHAPTER 21	DIMAHARIZAN 1972 BINGGA MENJADI TPM (DANCE DRAMA 1972, BECOMING DEPUTY PRIME MINISTER)
BABAK 22 / CHAPTER 22	PENANTIAN SEBAGA PERDANA MENTERI (APPOINTING AS THE PRIME MINISTER)
BABAK 23 / CHAPTER 23	WARING KOFI - KOMEN ORANG RAMAI DI PENINGKAT ANJAL TERHADAPAN DR.MAHATHIR (FOOD STALLS - COMMENTS FROM MALAYSIANS AT THE EARLY STAGE OF DR. MAHATHIR'S LEADERSHIP)
BABAK 24 / CHAPTER 24	WAWANCARA OLEH ROSNAH MAJID DENGAN DR. MAHATHIR SEPENGA 100 HARI MENJADI PERDANA MENTERI (INTERVIEW BY ROSNAH MAJID WITH DR. MAHATHIR IN CONJUNCTION OF 100 DAYS DR. M AS THE PRIME MINISTER)
BABAK 25 / CHAPTER 25	ERA PEMBANGUNAN YANG MERANSANG DAN CABARAN (DEVELOPMENT ERA AND CHALLENGES)
BABAK 26 / CHAPTER 26	ADEGAN DRAMATARI PUNCAK (PEAK DANCE DRAMA)
BABAK 27 / CHAPTER 27	PERISTAWA PELETAKAN JAWATAN OLEH DR. MAHATHIR (RESIGNATION OF DR. MAHATHIR AS THE PRIME MINISTER OF MALAYSIA)

Jadual 1 Plot Muzikal Tun Mahathir
Sumber: CTRA Production 2010: 23

Juxtaposition dalam skrip ini terlalu lama kerana krisis pertama lewat dihadirkan dalam skrip. Babak 1 sehingga Babak 7 hanya memaparkan latar belakang protagonis, iaitu sejak waktu kelahiran sehingga pendidikan awal protagonis. Watak protagonis ditampilkan sebagai seorang kanak-kanak Melayu normal yang suka membaca berbanding mensia-siakan masa lapangnya dengan aktiviti yang kurang berfaedah. Kesemua babak ini hanya memperlihatkan

dan menyampaikan informasi tentang persekitaran, rakan-rakan, keluarga, pendidikan, kerajinan dan hobi watak utama tanpa mewujudkan sebarang krisis yang jelas. Kegagalan menghadirkan krisis kecil lebih awal menyebabkan watak protagonis kurang dinamik pada peringkat awal pementasan. Penonton tertunggu agak lama supaya sesuatu yang menarik (krisis kecil) dari segi intelektual atau emosi dihadirkan dalam ruang lakon.



Foto 2 Zaman kanak-kanak Tun Dr. Mahathir
Sumber: *Facebook* Muzikal Tun Mahathir

Sebuah skrip yang baik akan menghadirkan krisis pertama seawal yang mungkin dalam pementasan. Hal ini akan membuat penonton terus berminat untuk mengikuti aksi-aksi protagonis selanjutnya. Dalam konteks ini, MTMmp hanya memaparkan krisis pada watak protagonis pada Babak ke-8, iaitu aksi menentang *Malayan Union*. Dalam babak ini watak Tun Dr. Mahathir menyatakan pandangannya yang tidak bersetuju dengan penubuhan

Malayan Union oleh British. Hujah-hujahnya tentang kesan penubuhan itu memperlihatkan hambatan kepada matlamat utama watak ini, iaitu mengangkat darjat bangsa Melayu daripada aspek sosial, politik dan ekonomi.

Secara keseluruhan, hanya Babak ke-26 dalam MTMmp yang berjaya menampilkan ketokohan watak protagonis dengan penuh artistik. Babak Dramatari Puncak memaparkan peletakan jawatan tiga orang Timbalan Perdana Menteri Malaysia, sepanjang Tun Dr. Mahathir memegang jawatan Perdana Menteri Malaysia. Protagonis jelas berhadapan dengan krisis untuk mencapai matlamatnya kerana cara bekerja dan pandangan Timbalan Perdana Menteri tidak menyumbang kepada matlamat utama Tun Dr. Mahathir. Hal ini menimbulkan perlucutan atau peletakan jawatan tiga orang Timbalan Perdana Menterinya, sepanjang beliau menyandang jawatan Perdana Menteri.

Sebagai klimaks bagi MTMmp, Babak ke-26 memberi kesan terhadap emosi dan intelektual penonton. Ia menampilkan krisis yang benar-benar menggugat matlamat utama protagonis. Pilihan artistik pengarah seperti latar muzik, seni kata, stail pergerakan serta koreografi amat jitu dan tepat untuk menzahirkan krisis yang dihadapi oleh protagonis. Babak ini juga berjaya membangkitkan rasa bimbang dan kasihan terhadap watak protagonis di kalangan penonton. Pilihan-pilihan artistik ini memberi nilai tambah kepada emosi bimbang dan kasihan penonton terhadap protagonis.

Babak 27 adalah babak terakhir bagi MTMmp. Babak ini mengemukakan peleraian bagi krisis antara matlamat peribadi Tun Dr. Mahathir dan keadaan semasa masyarakat Melayu ketika itu. Dalam babak ini Tun Dr. Mahathir mengumumkan keputusannya untuk mengundurkan diri daripada jawatan Presiden *United Malays National Organisation* (UMNO). Keputusan ini sebenarnya adalah kekalahan watak protagonis teater ini. Selain itu, babak ini juga berjaya memaparkan perubahan nasib yang kekal yang dialami oleh protagonis, iaitu daripada

Presiden UMNO juga Perdana Menteri Malaysia, kepada ahli biasa parti ketika peletakan jawatan. Perubahan nasib yang kekal yang dipaparkan pada watak Tun Dr. Mahathir adalah salah satu ciri penting yang perlu dalam babak terakhir bagi sebuah genre tragedi.



Foto 3 Babak akhir
Sumber: *Facebook Muzikal Tun Mahathir*

Kesimpulan

Secara keseluruhan MTMmp gagal mencapai objektifnya dalam menonjolkan ketokohan, sumbangan dan pengorbanan Tun Dr. Mahathir sebagai seorang negarawan ulung. Punca kegagalan ini adalah pilihan genre untuk menyampaikan dan memaparkan ketokohan negarawan ini. Namun begitu, pilihan artistik dan kepengarahan teater ini, terutamanya pada dua babak

terakhir MTMmp memberi kesan yang agak mendalam terhadap khalayak sebelum mereka meninggalkan auditorium Panggung Sari Istana Budaya.

Rujukan

Banham, M. 1990. *The Cambridge guide to world theatre*. Cambridge: Cambridge University Press.

CTRA Production. 2010. *Buku program Muzikal Tun Mahathir*. Kuala Lumpur: CTRA Production.

Facebook Muzikal Tun Mahathir. <http://www.facebook.com/pages/Muzikal-Tun-Mahathir/111714445525612/> (accessed 4 May 2011).

Mohamed Juhari Shaarani. 2010. Aluan Ketua Pengarah. *Buku program Muzikal Tun Mahathir*. Kuala Lumpur: CTRA Production.

Noorainee Abdul Rahman. 2010. Kata-kata Aluan Penaung. *Buku program Muzikal Tun Mahathir*. Kuala Lumpur: CTRA Production.

Ommanney, K. A. 1960. *The stage and the school*. New York: McGrawHill Book Co.

Rais Yatim. 2010. Perutusan Menteri. *Buku program Muzikal Tun Mahathir*. Kuala Lumpur: CTRA Production.